

# Dua keputusan mengejut

PH - 25/2/2020 ml/8:3

## Dr M letak jawatan PM dan Pengerusi BERSATU

Wartawan BH  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad membuat dua keputusan mengejutkan semalam apabila bukan sahaja meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, tetapi turut melepaskan jawatan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

Pengumuman peletakan jawatan Ahli Parlimen Langkawi itu sebagai Perdana Menteri dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri bersama makluman bahawa Dr Mahathir menghantar surat memaklumkan keputusannya itu kepada Yang di-Pertuan Agong pada jam 1 tengah hari semalam.

Tidak lama kemudian, Pejabat

Pengerusi BERSATU dalam kenyataan berasingan pula mengumumkan Dr Mahathir melepaskan jawatan sebagai pemimpin tertinggi parti berkenaan, parti diasaskannya yang mencipta sejarah apabila bersama empat sekutu berjaya menumbangkan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 2018.

Pada sebelah petang, Ahli Parlimen Langkawi itu yang menaiki kenderaan Proton Perdana hitam diiringi kenderaan pengiring ke Istana Negara bagi menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Kenderaan membawa Dr Mahathir dilihat masuk melalui pintu utama Istana Negara pada jam 4.40 petang dan keluar selepas kira-kira 90 minit. Beliau sempat melambatkan sambil melemparkan senyuman kepada petugas media yang menunggu di luar pintu utama.

Dr Mahathir menghadap Yang di-Pertuan Agong dipercayai bagi memberi penjelasan mengenai peletakan jawatannya, selain per-

### Kedudukan 139 kerusi PH di Dewan Rakyat sebelum 24 Februari 2020

PKR	50
DAP	42
BERSATU	26
AMANAH	11
<b>Jumlah</b>	<b>129</b>

### Parti mesra PH

WARISAN	9
UPKO	1
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>

### Kedudukan semasa

(susulan BERSATU keluar PH  
11 Ahli Parlimen keluar PKR)

PKR	39
DAP	42
AMANAH	11
<b>Jumlah</b>	<b>92</b>

kembangan terkini Pakatan Harapan (PH) selepas Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) tidak lagi bersama PH.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menghadap Yang di-Pertuan Agong selama kira-kira 40 minit sebelum dilihat keluar pada jam 3.15 petang.

Pada sebelah pagi, beberapa pemimpin utama parti politik dilihat mengunjungi kediaman Dr Mahathir di Seri Kembangan, termasuk Anwar bersama Dr Wan Azizah; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu.

Turut dilihat berkunjung adalah Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Naib Presiden, Zuraida Kamaruddin serta Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.